

ADAT DAN PERUBAHAN BUDAYA PERKAHWINAN MASYARAKAT SULUK DI KUNAK, SABAH

Customs and Culture Changes Suluk Community Marriage In Kunak, Sabah

Muhammad Ikqhwansyah

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Ikqhwansyah77@gmail.com*

Dihantar:18 Ogos 2024 / Diterima:13 Sept. 2024 / Terbit:31 Disember 2024

Abstrak

Kajian ini memberikan tumpuan kepada adat dan perubahan budaya perkahwinan masyarakat Suluk di Kunak Sabah. Oleh itu, perbincangan dari segi adat masyarakat Suluk yang mana merupakan gabungan tradisi dan nilai-nilai yang diwarisi turun-temurun, mencerminkan identiti budaya dan kepercayaan mereka. Selain itu, perbincangan dari segi perubahan budaya perkahwinan masyarakat Suluk turut di ketengahkan dengan melihat perubahan tradisional kepada moden yang mana dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang telah menyebabkan berlakunya perubahan budaya perkahwinan masyarakat Suluk di Kunak, Sabah namun masih lagi mencerminkan penyesuaian mereka terhadap perubahan sosial sambil mengekalkan elemen penting dari warisan tradisional mereka.

Kata Kunci: Perkahwinan, Adat, Budaya, Suluk

Abstract

This study focuses on the customs and changes in the wedding culture of the Suluk community in Kunak Sabah. Therefore, the debate in terms of the customs of the Suluk community which is a combination of traditions and values inherited from generation to generation, reflects their cultural identity and beliefs. In addition, the debate in terms of the change in the marriage culture of the Suluk community is also highlighted by looking at the change from traditional to modern which

Muhammad Ikqhwansyah

is influenced by various factors that have caused the change in the marriage culture of the Suluk community in Kunak, Sabah but still reflects their adaptation to social change while maintaining an important element of their traditional heritage.

Keywords: *Marriage, Customs, Culture, Suluk*

Pengenalan

Dengan kepelbagaian etnik yang ada di Malaysia ini sudah pasti memiliki adat resam serta pantang larang yang pelbagai. Melalui daripada kepelbagaian ini ianya secara tidak langsung telah mengubah corak kehidupan di antara kaum yang lain. Hal ini juga tidak terlepas daripada suku kaum Suluk yang memiliki adat istiadat tersendiri khususnya dalam adat perkahwinan. Istilah adat ini dapat di definisikan sebagai satu perbuatan atau perlakuan menurut kebiasaan daripada masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Bahkan melalui daripada adat ini juga ianya disempurnakan mengikut cara-cara atau susunannya yang tertentu (Che Zaharah Abdullah, 2015:623). Adat dan budaya memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Suluk, sebuah etnik pribumi yang mendiami kawasan pedalaman Sabah, Malaysia. Masyarakat Suluk ini merupakan kaum yang dikenali sebagai panggilan Tausung yang dapat diertikan sebagai (Orang Arus), masyarakat ini merupakan salah sebuah etnik yang terdapat di Sabah. Berdasarkan daripada penelitian dapat dilihat masyarakat suku kaum Suluk ini kebanyakannya menetap di sekitar kawasan pantai timur Sabah yang dapat di kenal pasti ialah di kawasan Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Kunak, Kudat dan Semporna. Di pandang daripada sudut asal usulnya, kaum Suluk sememangnya berasal daripada Kepulauan Sulu dan Borneo (Sabah) sejak zaman Kesultanan Sulu lagi bahkan menurut Craig Soderber *et. al*, (2012: 361) Suluk atau Tausug merupakan bahasa dari Austronesia yang telah dituturkan di pulau Jolo di barat daya Filipina.


Secara umumnya ikatan perkahwinan merupakan sesuatu bentuk yang dikatakan sebagai pengiktirafan sosial. Amalan perkahwinan ini merupakan sesuatu perhubungan yang menyatukan sesebuah pasangan antara lelaki dan perempuan yang akan membenarkan hubungan intim antara kedua pasangan ini secara sah atau dari segi agama Islam ialah halal serta membenarkan antara kedua pasangan ini bertanggungjawab dalam hak ekonomi di antara mereka. Dalam erti lain perkahwinan ini boleh ditafsirkan sebagai persetujuan antara kedua

pasangan untuk membangunkan rumah tangga mereka sendiri secara sah. Melalui ikatan perkahwinan juga hubungan sosial yang asas juga akan terbentuk. Di mana ianya dapat dijelaskan keluarga asas ini membentuk keluarga yang besar dan seterusnya membolehkan keluarga besar tersebut lebih berkembang yang akan membentuk sebahagian atau ahli dalam masyarakat (Saidatul Nornis Mahali, 2014:4).

Adat Perkahwinan Masyarakat Suluk

Adat adalah istilah yang merujuk kepada peraturan, norma, dan kebiasaan yang telah diamalkan oleh masyarakat tertentu sejak turun-temurun. Ia meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuk undang-undang, budaya, etika, dan ritual (Ateerah & Zuriati, 2021:4). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, adat merupakan satu definisi peraturan yang mana sudah diamalkan sejak turun temurun (sejak dahulukala) di dalam masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi) (Kamus Edisi Keempat, 2007).

Dalam konteks adat perkahwinan etnik kaum suluk, terdapat empat peringkat yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat suku kaum Suluk bagi menyempurnakan adat perkahwinan ini, antaranya ialah Pag-pasihil (meninjau atau merisik), Pag-pangasawa (meminang), Pag-turul taima (menyerah hantaran) dan Pag-tiaun (majlis perkahwinan). Berikut merupakan proses perkahwinan tradisional masyarakat Suluk di Kunak Sabah:



Rajah 1: Proses perkahwinan tradisional masyarakat Suluk



Foto 1: Adat bertunang Pag-Turul Taima
Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan (1 Jun 2024)



Foto 2: Upacara akad nikah masyarakat Suluk
Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan (1 Jun 2024)

Perubahan budaya perkahwinan masyarakat Suluk di Kunak, Sabah

Bermula dari tahun 1981 Kunak telah menjadi daerah sepenuhnya selepas pentadbiran daerah Lahad Datu melepaskan pentadbirannya (Asimah Abdul Hag, 2024:13). Maka pada bermulalah Kepelbagaian etnik di Kunak pada tahun 1981 termasuk Bajau, Bugis, dan Suluk, yang masing-masing membawa adat dan budaya tersendiri. Hal ini menjadikan Kunak sebuah daerah yang kaya dengan warisan budaya dan tradisi. Namun begitu, budaya perkahwinan masyarakat Suluk di Kunak, Sabah, telah mengalami pelbagai perubahan dari masa ke masa, termasuk perubahan yang signifikan pada tahun 2020. Perubahan ini boleh dilihat dalam aspek adat istiadat dan penggunaan teknologi.

Pemodenan dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk melibatkan penyesuaian elemen-elemen tradisional untuk beradaptasi dengan kehendak zaman moden sambil mengekalkan nilai-nilai dan identiti budaya asal. Proses ini memerlukan pendekatan yang seimbang antara mempertahankan tradisi dan memenuhi keperluan serta kehendak generasi baru. Pemodenan dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk memerlukan keseimbangan antara mengekalkan elemen tradisional yang bernilai dan menyesuaikan dengan kehendak zaman moden. Dengan penyesuaian yang bijaksana dalam ritual, pakaian, lokasi, dan peranan gender, adat perkahwinan Suluk dapat diteruskan sambil memenuhi keperluan dan kehendak generasi baru. Pendekatan ini memastikan adat ini terus relevan dan dihargai, menyokong pemeliharaan budaya yang berterusan sambil merangkul perubahan zaman.

i. Perubahan dari aspek pakaian pengantin

Perubahan ini melibatkan penyesuaian dari segi gaya, bahan, dan reka bentuk untuk memenuhi kehendak zaman moden sambil mengekalkan unsur tradisional. Perubahan pakaian masyarakat Suluk ini telah dipengaruhi oleh gaya moden pada masa ini. Di mana reka bentuk moden pada pakaian masyarakat Suluk ini telah mengalami perubahan dalam potongan dan fesyen. Baju yang dulunya sederhana kini sering dihiasi dengan elemen reka bentuk moden seperti potongan berlapis, corak yang lebih kompleks, dan aksesori yang lebih canggih. Perkara ini jelas kelihatan pada pakaian semasa upacara perkahwinan. Dalam upacara perkahwinan masyarakat Suluk, sudah pastinya pakaian tradisional akan dipakai sewaktu majlis seperti ini berlangsung. Namun pada masa ini pakaian tradisional masyarakat Suluk sudah mengalami perubahan dengan reka bentuk pakaian yang lebih moden dan berbeza dengan reka bentuk pakai pada asalnya sewaktu zaman dahulu iaitu zaman nenek moyang. Berikut merupakan pakaian moden perkahwinan masyarakat Suluk.



Foto 3: Pakaian Gaun dan *Suit* dalam Perkahwinan Moden Masyarakat Suluk

Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan (1 Jun 2024)

ii. Perubahan semasa akad nikah

Perkahwinan merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan masyarakat dan budaya. Akad nikah, sebagai upacara utama dalam perkahwinan, telah mengalami beberapa perubahan dan penyesuaian dengan peredaran masa, terutamanya dalam era moden ini. Perubahan ini sering kali disebabkan oleh faktor-faktor seperti globalisasi, teknologi, perubahan sosial dan sebagainya. Bagi masyarakat Suluk sememangnya semua amalan adat istiadat akan dilakukan dari awal hingga akhir sewaktu upacara perkahwinan. Namun begitu pada era pemodenan ini upacara perkahwinan masyarakat Suluk mengalami perubahan daripada sesetengah masyarakat Suluk salah satunya semasa upacara akad nikah. Di mana kebiasaannya upacara ini akan dilangsungkan dengan beberapa adat seperti adat namassal sebelum nikah, adat pagbatal dan lain-lain. Dapat dilihat pada ini upacara nikah masyarakat Suluk hanya dilakukan berdasarkan perkara wajib sahaja tanpa melibatkan adat turun temurun.



Foto 4: Akad nikah masyarakat Suluk tanpa adat tradisional
Sumber: Kajian Lapangan Penyelidikan (1 Jun 2024)

iii. Perubahan seni persembahan semasa perkahwinan

persembahan masyarakat Suluk sudah mengalami perubahan dari segi penggunaan alat muzik serta lagu-lagu seni persembahan semasa tarian Pangalay juga semakin banyak jenis lagu yang diperbaharui oleh masyarakat Suluk. Salah satu tarian seni persembahan tradisional masyarakat Suluk ialah Pagalay Ha Agong. Pagalay Ha Agong ini bukanlah satu tarian biasa atau tarian di tarikan secara suka-suka oleh seseorang penari. Tarian Pangalay Ha Agong ini mempunyai pantang larang tersendiri dan haruslah dipatuhi agar dapat menjiwai tarian ini dengan lebih baik. Pantang larang Tarian Ha Agong ini adalah hanya penari perempuan sahaja yang dibenarkan menari di atas gong manakala penari lelaki akan menari dikelilingi penari perempuan itu sambil "Manangbay" penari perempuan di atas gong berkenaan. Perkataan "Manangbay" bermaksud penari lelaki bertembung dengan penari wanita dengan menggerakkan tangan mereka secara berselisih dan berganti-ganti dari atas ke bawah.

Penggunaan teknologi dalam seni persembahan ini jelas kelihatan di mana teknologi moden seperti sistem audio dan visual kini banyak digunakan dalam majlis perkahwinan. Sistem bunyi yang canggih dan pencahayaan yang berwarna-warni telah menambah kemeriahan majlis. Bahkan muzik moden dan lagu-lagu popular turut dimainkan semasa majlis perkahwinan. DJ atau kumpulan muzik yang

memainkan lagu-lagu kontemporari menjadi pilihan untuk memeriahkan suasana dan menarik minat generasi muda. Selain itu, tarian tradisional seperti Pangalay masih dipersembahkan, tetapi dengan gaya dan kostum yang lebih moden. Terdapat juga pengenalan tarian-tarian moden seperti hip-hop dan tarian kontemporari yang dipersembahkan oleh kumpulan tarian profesional atau amatir.

Perubahan seni persembahan semasa perkahwinan masyarakat Suluk mencerminkan dinamika dan adaptasi budaya dalam menghadapi pengaruh moden dan global. Walaupun banyak elemen tradisional masih dikekalkan, penggabungan dengan elemen-elemen moden menjadikan majlis perkahwinan lebih menarik dan relevan dengan generasi muda. Usaha untuk mengekalkan tradisi sambil mengintegrasikan inovasi baru menunjukkan keupayaan masyarakat Suluk untuk menghargai warisan budaya mereka sambil bergerak seiring dengan perkembangan zaman.

Usaha melestarikan Adat Perkahwinan Masyarakat Suluk

Adat perkahwinan tradisional kaum Suluk adalah salah satu warisan budaya yang kaya dengan nilai tradisi dan identiti etnik. Oleh itu, sebagai usaha melestarikan adat ini cadangan boleh diambil untuk memelihara dan melindungi adat perkahwinan ini. Pertama adalah mendokumentasikan adat perkahwinan masyarakat Suluk. Usaha ini adalah usaha yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang sistematik serta menyeluruh agar maklumat yang berkaitan dengan adat perkahwinan masyarakat Suluk akan terus dapat mengekalkan maklumat berkaitan budaya masyarakat Suluk walaupun dalam jangka masa yang panjang. Pendokumentasian juga dapat dilakukan melalui rakaman semasa upacara iaitu melalui video atau fotografi. Di mana persiapan rakaman pendokumentasian ini dilakukan dengan melalui strategi rakaman misalnya menyediakan jadual untuk merakam semua peringkat upacara dari persiapan hingga selesai, termasuk persediaan tempat, pakaian, dan peralatan. Dengan kaedah ini segala upacara adat perkahwinan masyarakat Suluk dari peringkat awal dan akhir dapat dirakam dan diketahui kaedah-kaedah pelaksanaan upacara tersebut melalui adat yang sebenar. Tambahan pula teknik penggunaan rakaman semasa upacara tersebut berlangsung sangat penting untuk dititik beratkan di mana rakaman semasa upacara perlulah menggunakan kamera HD, mikrofon berkualiti tinggi, dan peralatan drone untuk mendapatkan sudut pandang yang unik. Pendokumentasian ini juga

perlu dilakukan secara bertahap melalui daripada beberapa kaedah penting seperti persiapan dengan merekod proses persiapan misalnya penataan tempat dan persiapan pakaian. Bahkan semasa upacara pula pendokumentasian semasa rakaman amat perlu dengan mengambil rakaman semasa upacara berlangsung, termasuk ritual, muzik dan interaksi antara pengantin dan tetamu. Semasa penutupan pula proses rakaman penutupan upacara dan acara selepasnya perlu dilakukan secara menyeluruh seperti majlis makan dan ucapan.

Kedua, adalah melalui pendidikan warisan perkahwinan kaum Suluk secara formal mahupun tidak formal. Usaha ini penting untuk memastikan tradisi dan budaya ini kekal relevan dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang. Melalui pendidikan warisan ini ia dapat mewujudkan kesedaran warisan dalam kalangan generasi muda. Perkara ini dapat dilakukan dengan integrasi dalam kurikulum sekolah. Di mana pengajaran secara berstruktur dapat dilakukan seperti dalam subjek sejarah. Di mana pembangunan modul tentang sejarah, adat resam, dan tradisi kaum Suluk yang merangkumi aspek-aspek perkahwinan tradisional di dedahkan kepada pelajar. Bahkan penyediaan pendidikan kepada masyarakat berkaitan adat perkahwinan kaum Suluk, termasuk upacara, simbolisme dan nilai-nilai yang terkandung boleh dilaksanakan menerusi seminar atau bengkel berkala yang perlu dilakukan oleh pihak persatuan Suluk atau pihak yang berkenaan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, adat dan budaya perkahwinan masyarakat Suluk, khususnya di daerah Kunak, Sabah merupakan salah satu warisan budaya yang penting yang mencerminkan identiti serta perpaduan masyarakat Suluk. Kehadiran masyarakat Suluk juga telah menjadikan komuniti dalam kalangan masyarakat seimbang dari segi budaya dan ini juga menjadi simbolik kekayaan budaya di Sabah. Adat dan budaya perkhawinan masyarakat Suluk ini sememangnya masih lagi di amalkan walaupun sudah mengalami beberapa perubahan yang mengikut arus peredaran zaman namun tetap menunjukkan cerminan identiti masyarakat Suluk pada masa ini. Tuntasnya, adat resam dan budaya perkahwinan masyarakat Suluk merupakan bahagian yang penting dalam identiti mereka yang mana amat perlu dipelihara dan dikekalkan walaupun mengalami perubahan zaman.

Senarai Rujukan

Jurnal dan Buku

- Asimah Abdul Hag & Abdul Rahman bin Mohammad Ali. (2024). *Kebudayaan & Perkembangan Daerah Kunak*, Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kunak.
- Ateerah Abdul Razak & Zuriati Mohd Rashid. (2021). *Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia*. Kelantan: UMK Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francis C. Jumala. (2019). Persistence of the Duwaa Kaja: Medical Implications of an Ancestral Rite. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. Vol.10(6): 39-56.
- James P. Ongkili. (1981). *Kelekaan Ekonomi Kompeni Berpiagam Sabah, 1881-1941*. Dalam, *Malaysia In History*. Vol. 16(1). Kuala Lumpur: Malaysia Historical Society.
- Mohannad Puad Bebit & Asmiaty Amat. (2020). *Budaya Etnik Suluk di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Saharudin Bakkareng. (2004). *Pentadbiran Tanah Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Barat Sabah, 1881- 1941, M.A*. Universiti Sains Malaysia.
- Saidatul Nornis Mahali. (2014). Beria/Barian Perkahwinan Bajau Kota Belut di Sabah: Satu Tinjauan Dini. *Akademika*. Vol. 84(3). 3-13.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia Mohd.Taqwudin Mohd.Yazid, Habibah Artini Ramliet, Abang Mohd Razif Abang Muis, Azmin Pullong. (2022). Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak. *Jurnal of Islamic, Social, Economics and Development*. Vol.7(45): 1-17.
- Soderberg, C., Ashley, S. A., & Olson, K. S. (2012). Tausug (Suluk). *Journal of the International Phonetic Association*. Vol.42(3): 361-364.